



9 April 2018  
9 April 2018  
P.U. (A) 96

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN  
(LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 4) 2018

*ROAD TRANSPORT  
(PROHIBITION OF USE OF ROAD)  
(FEDERAL ROADS) (NO. 4) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (LARANGAN PENGGUNAAN JALAN)  
(JALAN PERSEKUTUAN) (NO. 4) 2018

BAHAWASANYA melalui P.U. (B) 135/2018 yang disiarkan pada 26 Mac 2018, notis telah diberikan mengenai niat untuk membuat suatu perintah di bawah seksyen 70 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*]:

DAN BAHAWASANYA tiada apa-apa bantahan diterima oleh Menteri Kerja Raya terhadap pembuatan perintah itu:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 70 Akta, Menteri Kerja Raya, selepas memberi pertimbangan kepada perkara yang disebut dalam subseksyen 70(2) Akta, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Larangan Penggunaan Jalan) (Jalan Persekutuan) (No. 4) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 10 April 2018.

**Larangan**

2. Pemanduan kenderaan di atas bahagian jalan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua, melainkan di atas jalan arah yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama, bagi tempoh yang dinyatakan dalam ruang (3) Jadual Pertama, dilarang.

## JADUAL PERTAMA

(1) <i>Jalan yang baginya Larangan Terpakai</i>	(2) <i>Jalan Arah</i>	(3) <i>Tempoh Larangan</i>
Sebahagian Laluan 1, Jalan Ipoh-Butterworth bermula dari seksyen 678.60 hingga seksyen 678.80 sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	Kenderaan dari Ipoh ke Butterworth dan sebaliknya hendaklah menggunakan jalan lencongan sementara sebagaimana yang ditunjukkan dalam peta dalam Jadual Kedua	10 April 2018 hingga 30 April 2019